

19 JUN 2001

DAIM-KONTROVERSI

DR MAHATHIR TOLAK KHABAR ANGIN MENGENAI DAIM

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak khabar angin dan dakwaan terhadap Tun Daim Zainuddin, dan berkata bahawa tiada isu yang membabitkan bekas menteri kewangan itu.

"Tiada siasatan. Mungkin mereka telah bertanya kepada beliau, saya tidak tahu," kata Dr Mahathir tanpa mengulas lanjut.

Beliau menambah, "...kerana saya sekarang menteri kewangan...saya mahu mengetahui lebih banyak maklumat mengenai perkara-perkara tertentu. Saya tidak tahu sama ada ini merupakan sebab mengapa sesiapa sahaja harus bertanyakan beliau apa sahaja. Tetapi beliau berjumpa saya semalam, tiada masalah," Dr Mahathir memberitahu pemberita demikian selepas mesyuarat pra-perhimpunan UMNO di sini.

Perdana Menteri juga berkata bahawa beliau telah berjumpa Daim semalam dan sekali sebelum itu.

Beliau bertegas bahawa kedua-dua beliau dan Daim "tidak bergaduh sesama sendiri" dan "tidak berperang di antara satu sama lain".

Sebelum itu, Dr Mahathir berkata Daim telah datang berjumpanya untuk memaklumkan bahawa beliau akan meneruskan peletakan jawatannya dan akan menyerahkan semua akaun UMNO memandangkan beliau bukan lagi bendahari parti.

Semalam, kata beliau Daim datang berjumpanya di Putrajaya untuk berbincang serta menyelesaikan beberapa perkara.

Daim, kata beliau, berjaya mengelak daripada media semasa lawatannya itu.

Perdana Menteri berkata memandangkan beliau kini juga merupakan menteri kewangan, beliau mahu "mengetahui beberapa maklumat".

"Semalam beliau (Daim) berkata terdapat beberapa maklumat yang beliau masih belum berikan kepada saya. Jadi beliau datang, membawa bersama semua fail, memberikannya kepada saya dan menyerahkan semuanya kepada saya," katanya.

Mengenai Daim tidak menghadiri Perhimpunan Agung UMNO minggu ini, Dr Mahathir berkata ia merupakan haknya sekiranya beliau tidak mahu menghadiri perhimpunan itu kerana beliau bukan lagi Bendahari UMNO walaupun beliau masih merupakan anggota parti.

Mengenai kelewatan mendapatkan menteri kewangan yang baru, Dr Mahathir berkata beliau masih mencari calon yang sesuai dan sekiranya tiada siapa yang layak sekarang, beliau masih boleh mengendalikan tugas itu.

Dr Mahathir berkata beliau telah biasa bekerja keras dan kali ini bukan lagi "bekerja 24 jam sehari tetapi 48 jam." -- BERNAMA

SHO SHY NHD OS